

**PERUBAHAN PERANAN DAN FUNGSI INSTITUSI
PERSILATAN MELAYU DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

SATORU TSUNASHIMA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2004

BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 TUJUAN DAN PERMASALAHAN TESIS.....	1
1.1.1 <i>Organisasi Pembelajaran dan Komponen Institusi Silat.....</i>	<i>3</i>
1.1.2 <i>Matriks Pertindahan Lapisan Perguruan Silat.....</i>	<i>4</i>
1.2 OBJEKTIF KAJIAN.....	8
1.3 METODOLOGI KAJIAN.....	8
1.3.1 <i>Data Primer.....</i>	<i>9</i>
1.3.2 <i>Maklumat Sekunder.....</i>	<i>11</i>
1.4 SOROTAN LITERATUR.....	11
1.4.1 <i>Penginstitusian moden dan proses modenisasi.....</i>	<i>14</i>
1.5 RANGKA TEORITIS DAN KONSEPSUALISASI.....	18
1.6 RUMUSAN.....	20
NOTA BAB 1 PENGENALAN.....	24

Bab 1 Pengenalan

1.1 Tujuan dan Permasalahan Tesis

Tesis ini meninjau unsur utama yang mempengaruhi perubahan struktur penyesuaian ilmu dan amalan silat sebagai landasan dalam proses pembentukan sosial (*social formation*) dan pembudayaan (*acculturation*) nilai jati diri masyarakat Melayu di semenanjung. Tinjauan akan dilakukan dengan menilai perubahan peranan dan fungsi silat sebagai pendokong budaya dan jati diri serta asas interaksi sosial masyarakat Melayu dalam konteks masyarakat Malaysia moden.

Silat seperti institusi budaya lain dalam masyarakat Melayu, sentiasa menghadapi tekanan perubahan struktural. Gelombang stimulus yang utama yang dialami masyarakat Melayu di semenanjung ialah tekanan langsung dari modenisasi.

Modenisasi sebagai suatu fenomena, melalui proses yang beransur-ansur bersifat penetratif. Penerapan nilai dan struktur moden yang terkandung dalam konsep umum 'pembangunan', seperti 'persekolahan formal', 'pembirokrasian', 'urbanisasi', adalah kenyataan sosial yang berlaku dalam sejarah masyarakat Malaysia secara umum. Masyarakat Melayu khususnya menghadapi peralihan ini sejak dekad lima puluhan dan struktur budaya dan organisasi sosial, seperti struktur keluarga, sistem perhubungan sosial dan budaya kerja dan serta sistem nilai telah melalui perubahan dalam arus modenisasi. Proses pemodenan juga mengubah sistem perhubungan di peringkat mikro di mana hubungan dan jalinan antara individu, antara individu dan kumpulan dan antara kumpulan dan kumpulan diserapi dengan unsur 'moden'.

Tesis ini menganggap perubahan kearah modenisasi sebagai kenyataan yang 'sudah tersedia' (*given*) dan tidak akan dibincang secara terperinci. Walau bagaimanapun kesan perubahan pada institusi persilatan dari satu institusi yang terletak di tengah

keperibadian, budaya dan geopolitik Melayu diteliti secara analitis dengan meninjau perbezaan corak perubahan fungsi komponen institusi silat, kesan dari perubahan yang menyeluruh.

Silat, sebagai suatu institusi sosial yang kompleks dalam masyarakat Melayu terdiri di atas tiga komponen yang bertindih dan saling bertimbal balik. Evolusi pembentukan struktur dan organisasi persilatan Melayu dan sistem 'perguruan' dan penerapan telah wujud sebelum proses modenisasi. Pertama komponen ilmu, iaitu himpunan pengetahuan. Kedua, komponen 'organisasi sosial' iaitu jalinan dan hubungan sosial yang menjadi pelantar pada pengajaran dan pembelajaran, dan ketiga, komponen struktural, iaitu landasan budaya-politik yang mengaitkan silat dengan sistem politik dan pentadbiran serta asas kewibawaan dan kuasa. Pokoknya, jika teliti institusi silat secara keseluruhan, silat merangkumi secara sistematik 'emosi budaya' (*cultural emotion*), iaitu suatu entiti yang membendung (*encapsulate*) intipati peradaban Melayu dengan struktur sosial dan struktur budaya dan proses pembudayaan. Justeru, pembelajaran silat merupakan penerapan ilmu dan emosi budaya yang terurus di bawah naungan 'perguruan'. Pokoknya, 'perguruan' silat adalah institusi yang mengikat peradaban/budaya dan serentak menentukan kesinambungan yang bertimbal-balik antara ilmu dan perlaksanaannya. Tujuan tesis ini ialah mengkaji dan mengenalpasti unsur utama yang mempengaruhi ikatan antara komponen silat, terutamanya perubahan dalam fungsi dan peranan perguruan silat atas andaian bahawa perubahan peranan dan fungsi institusi persilatan telah menyebabkan kelunturan dan peminggiran 'perguruan' silat sebagai pembendung dan pendokong emosi budaya dan peradaban Melayu.

1.1.1 Organisasi Pembelajaran dan Komponen Institusi Silat

Sebagai satu bidang ilmu, silat padat dengan maklumat yang tersusun dalam satu rangka yang bersepadu. Seperti bidang ilmu lain, ruang lingkup ilmu silat mengandungi piawai keterampilan yang secara umumnya dikenali di seluruh nusantara. Umumnya ruang lingkup ilmu persilatan mengandungi dua komponen besar yang saling berkait iaitu, komponen fizikal dan kerohanian/kebatinan (*mysticism*).

Komponen fizikal mengandungi aspek gerak-geri atau keperluan yang terbagi kategori 'bunga' dan 'buah'. Metafora tumbuhan mencerminkan penyusunan tahap mengikut percambahan tumbuhan. Bunga atau 'tari' merupakan landasan permulaan utama pada silat, di mana gerak asas diterapi. Tersirat dalam semua gerak langkah tari ialah ciri budaya melayu/nusantara yang menekankan aspek kesenian adab dan tertib dalam semua gerak-geri, sebelum maju ke peringkat 'buah'. Begitu mengikut perpatah para guru silat, "Alif pada silat ialah bunga. Ba ertinya buah. Ta, tangkap dan kunci, sudahkan dengan sa, selesaikan dengan patahkan lawan"(* perincian semua aspek 'ilmu' silat dan epistemologi istilah silat terkandung dalam Lampiran A).

Alam persilatan Melayu berkaitan rapat dengan pelantar berhubung(*interactional platform*) yang mengikat jalinan sosial dan memberi satu ikatan emosi dalam satu pakatan ilmu(*knowledge group*).

Matriks Pertindihan Lapisan Perguruan Silat

		<u>Tidak formal</u>	<u>Formal</u>
<u>MAKRO</u>	Moden	1) Pakatan 'gelap' bertindih dengan 'tarikat'. Contoh: al-ma'unah(2000) Nasrul-haq(1978)	1) silat 'warisan' seni – seni pentas, seni tari di bawah naungan kementerian kebudayaan dan pelancongan
	Tradisi	Tidak ada	Pengiktirafan ilmu persilatan melalui Anugerah Gelaran di bawah naungan raja
<u>MIKRO</u>	Moden	Persatuan silat di peringkat sekolah	1) Persatuan silat berdaftar 2) Persatuan silat kebangsaan dilaksanakan melalui olahraga 3) Persatuan silat PESAKA(gabungan persatuan silat)
	Tradisi	Perguruan di peringkat kampung, berdasarkan individu, guru silat dan pakatan murid dari kalangan jiran	Tidak wujud

1.1.2 Matriks Pertindihan Lapisan Perguruan Silat

Pertindihan dan tekanan antara komponen budaya dan organisasi sosial dengan arus modenisasi adalah kompleks. Oleh kerana sebagai suatu institusi, silat merangkumi tiga peringkat, dan tekanan proses modenisasi berbeza mengikut peringkat.

Pertama, di peringkat mikro individu, ilmu persilatan merangkumi aspek fizikal, iaitu seni mempertahankan diri secara peribadi yang memerlukan pembelajaran tersusun mengikut kesesuaian jasmani. Dalam mempelajari silat, setiap individu perlu berinteraksi dengan rakan sebaya(*the peer*) dan pengajar atau 'guru'. Malah rakan sebaya adalah pelantar sosial yang terpenting dalam pembelajaran silat.

Interaksi di peringkat ini dikawal oleh struktur hubungan sosial tiga penjurua yang padat dengan peraturan dan adab: antara guru dan murid, antara murid dan murid(rakan sebaya), antara guru dan kumpulan sebaya(seperguruan). Hubungan antara rakan sebaya yang melalui pembelajaran(sosialisasi) di bawah satu perguruan amat penting dalam organisasi sosial masyarakat Melayu dan berkemampuan menjadi pembentukan sosial

(*social formation*) formal yang merupai ‘kumpulan sosial’ mengikut definasi sosiologis. Dalam istilah sosiologikal, pakatan sosial seperguruan boleh disamakan dengan ‘*clique*’ atau ‘*group*’ yang mempunyai ‘hayat’ yang panjang, penetapan khusus tentang keahlian serta keupayaan untuk digembelngkan untuk sesuatu tindakan sosial yang khusus.

Di peringkat makro silat dan persilatan juga merangkumi unsur jati diri kerohanian (*spiritual identity*) dan martabat bangsa dan budaya dan kesenian Melayu. Dalam pengertian sosiologikal, peringkat makro ini terletak dalam lingkungan sfera tidak formal di mana jalinan perguruan silat bertindih dengan pelantar pakatan sosial mikro.

Di peringkat yang lebih tinggi, silat dan persilatan pernah dan telah menjadi institusi penting dalam urusan dan pentadbiran dalam sistem politik Melayu tradisional. Dalam zaman pemerintahan Melaka pengetahuan dan kemasyuhuran ilmu persilatan diiktiraf sebagai salah satu ruang untuk mobiliti sosial, di mana seseorang yang bukan dari keturunan darah kerabat diraja atau bangsawan boleh meningkat status dan kedudukan ke tahap pembesar negara. Contoh yang paling terkenal ialah Hang Tuah, iaitu Laksamana yang pertama dalam pemerintahan Melayu Melaka yang menaiki dari tahap rakyat biasa(bukan bangsawan) ke pangkat yang setanding dengan jemaah menteri di dalam pemerintahan Melaka.

Aras-pelantar makro-formal berasaskan pengesahan dan pengiktirafan pendekar oleh raja Melayu melalui anugerah gelaran yang diamalkan dalam sistem pemerintahan Melaka, diamalkan oleh kesemua kerajaan Melayu selepas Melaka. Dalam *Hikayat Deli(HD)*, diceritakan tentang Mohammed Dalek dari Aceh yang diberikan anugerah Gocoh Pahlawan oleh raja Deli dan sekaligus mengangkatkan beliau sebagai ‘menteri pada menteri’

“Beta

anugerahkan

kepadanya(Mohammed Dalek) jawatan yang lebih tinggi; beta jadikan dia ketua pada semua nakhoda, menteri dan penghulu”

(HD, ms. 16)

(Perbincangan terperinci kedudukan institusi silat makro-formal dalam sistem pemerintahan Melayu tradisional di bab 2.)

Tercatat juga dalam bahan sejarah tentang pendekar yang dinaikan ke taraf pihak berkuasa negeri melalui kehandalan mereka dalam ilmu pendekar. Megat Terawis di Perak(Wilkinson, R. J. 1975, Andaya, B.W. 1979), Raja Kecil di Kedah, Megat Sri Rama(Andaya, L.Y. 1975, Matheson, V. 1982, Ahmad Fauzi Basri 1991), Tun Jamil dan Tan Pasmah/Pusmah(Ahmad Fauzi Mohd. Basri 1992) di Johor.

Proses sosialisasi budaya(*cultural socialisation*) silat berlaku di atas dua aras. Iaitu di aras mikro dan makro bertindak di atas dua pelantar struktur: formal dan tidak formal.

Di peringkat makro formal ialah proses penyesuaian(adaptasi dan akulturasi/pembudayaan) individu kepada struktur dan nilai utama budaya yang dikehendaki oleh masyarakat. Dalam proses ini, terdapatnya unsur dalam pengalaman yang akan dikongsi oleh individu dibina masuk dalam suatu badan organisasi sosial berteraskan norma dan peraturan sosial yang menyeluruh dan terjalinkan dalam suatu etos (*world view, weltanschauung*) yang ‘bermakna’.

Dalam konteks masyarakat Melayu tradisi pembelajaran silat di peringkat makro tidak formal penting kerana organisasi sosial di peringkat ini bertindih dengan sfera agama(Islam), khususnya pakatan tarikat dan/atau ‘pondok’ dan melewati sempadan wilayah. Pertindihan di peringkat separa ‘makro tidak formal’ antara seni bela diri dengan institusi agama bukan sahaja wujud dalam masyarakat Melayu, malah di

masyarakat Thai, dan terutamanya masyarakat Cina. Seni bela diri kung fu bertindihan rapat dengan candi Shaolin dan Tau (Jerome Ch'en 1970).

Di samping pelantar pakatan sosial makro tidak formal, pakatan sosial diperingkat mikro tidak formal merupakan landasan pemupukan budaya silat yang paling aktif kerana di peringkat ini perhubungan dan interaksi berlaku di tahap hubungan primer. Walaupun pembelajaran dan pengajaran tentang tingkah-laku, adab dan nilai yang berlaku secara tidak formal, adalah lebih 'berkuasa' kerana prosesnya adalah lebih menerapi dan berlaku di peringkat hubungan interaksi langsung antara individu berasaskan kumpulan 'clique', atau rakan sebaya. Penerapan ilmu dan nilai persilatan, khususnya sistem hubungan sosial yang tersusun dan berlandaskan peraturan dan kawalan yang termaktub dalam sistem nilai dan norma atau 'budaya' masyarakat dan institusi-institusi berlaku secara mendalam di peringkat hubungan mikro tidak formal ini. Dalam istilah sosiologi pasca moden, jalinan di peringkat kapilari (*capillaire*) ini adalah paling penting, ibaratkan seperti penghujung pada bebuluh (*arteriole*) di peringkat kapilari penyerapan berlaku (Foucault, M. 1966).

Penelitian untuk tesis ini memberi tumpuan pada tahap ini bertujuan untuk mengenali secara mendalam proses perubahan dan kemunculan struktur makro formal moden dan kelunturan institusi silat di aras mikro tidak formal dalam konteks silat sebagai kesenian, 'warisan' yang dipagut unsur konsumerisme dan pelancongan. Antara aspek penting dalam proses ini ialah sosialisasi, di mana silat dan nilai serta aturan norma yang menjadi asas budaya keperibadian Melayu luntur kerana institusi 'penghantar' di peringkat kapilari di 'cemar' unsur kommersialisasi dan hiburan (*entertainment*).

Walau bagaimanapun tesis ini akan menunjukkan bahawa dalam arus

modernisasi fungsi institusi silat sebagai pendokong budaya dan jati diri Melayu telah tersamping, kerana kemunculan fungsi 'moden' yang mengarahkan silat dan perguruan kepada unsur riadah(silat sukan, silat olah raga) dan hiburan seni 'tari' pentas. Penelitian tentang perubahan pada asas organisasi sosial yang mendokong silat sebagai institusi budaya diberi tumpuan. Ini adalah kerana sebagai satu institusi silat sentiasa mengalami perubahan dan pertanda pada perubahan pada institusi silat adalah berkaitan langsung dengan perubahan struktur sosial dan budaya masyarakat yang di atasnya terletak komponen sosial persilatan dan perguruan silat.

1.2 Objektif Kajian

Tesis ini mengkaji proses penginstitutionan organisasi silat serta kesinambungan dan perubahan yang struktural yang berlaku dalam alam persilatan Melayu yang disebabkan oleh modernisasi dan pembangunan struktur pentadbiran moden di semenanjung.

Objek khusus ialah:

1. Menghuraikan unsur utama dalam ilmu dan amalan silat dalam masyarakat Melayu tradisional.
2. Menganalisa Institusi formal dan tidak formal moden yang muncul dalam dunia persilatan Melayu moden.
3. Membincang tahap penerapan unsur nilai dan simbol 'moden' dalam ilmu dan amalan silat.

1.3 Metodologi Kajian

Kajian lapangan merangkumi negeri Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang, dan Kedah.

Walau bagaimanapun, tumpuan khusus yang melibat kajian kes tentang sistem penginstitusian dan pembentukan pakatan sosial berteraskan keahlian seperguruan ditumpukan di negeri Terengganu, Kelantan dan Kedah.

1.3.1 Data Primer

Penyelidikan dan pengumpulan maklumat dilakukan melalui dua cara: Untuk maklumat primer kajian lapangan(pemerhatian sertasama) dan untuk maklumat sekunder penyelidikan lapangan secara penelitian penyertaan(*participant observation*) dijalankan bersama perguruan silat di Kedah, Kelantan dan Terengganu. Pengkaji mengikuti secara sendiri dua perguruan silat dengan mendiami di rumah guru selama jumlah hampir setahun: antara Mac tahun 1995 hingga Mac 1996 di Kelantan dan dari Jun hingga Julai tahun 2000 di negeri Kedah(Yan, Baling dan Alor Setar). Penyelidikan menghadapi beberapa batasan; antara yang ketara ialah disebabkan penyelidik tidak beragama Islam dan tidak fasih bertutur dalam loghat daerah Kedah dan Kelantan. Sungguhpun secara umumnya silat boleh diikuti oleh sesiapa yang berminat, tetapi realitinya beberapa aspek ilmu dari kesemua perguruan silat dihadkan kepada pengikut beragama Islam. Oleh kerana itu, penyelidik hanya 'sudi diajar' aspek 'tari' atau bunga dan permainan alat muzik seperti gong, gendang dan serunai silat sahaja. Aspek mistisisme dan amalan 'dalam' tidak dapat diselami secara mendalam, dan terpaksa diperolehi dari bahan sekunder.

Penyelidikan berbentuk penelitian pemerhati ikutserta penyertaan ada pengalaman mempelajari sebahagian komponen tari atau langkah sembah berikut:- silat bunga(juga dikenali silat seni, silat tari, atau silat cantik) dalam beberapa perguruan 'seni silat'. Rakaman tari silat jawi; juga dikenali sebagai 'silat jatuh'(silat

sepelet) dan silat inai (yang juga disebut dengan panggilan 'silat bunga' aulih penonton), 'silat perkahwinan' dilakukan sepenuhnya. Penyelidik menyertai secara intensif permainan 'silat pulut' di Kedah, 'Seni Silat Terlak Empat' di negeri Kelantan; sebahagian tapak-langkah Seni Silat Sendeng di negeri Johor; sebahagian langkah-langkah(jurus) Seni Silat Lintau di Terengganu. Beberapa komponen pencak langkah dari Silat Kuntau Jawa dan Silat Ci(Che) Mandi di negeri Pulau Pinang diikuti daripada para guru pengamal dan jurulatih perguruan seni silat berkenaan. Sementara itu, penyelidik dibenarkan mengikuti beberapa kelas Seni Silat Harimau Berantai International di wilayah persekutuan Kuala Lumpur.

Penyelidik juga mengumpulkan gambar foto dan rakaman video pergerakan dan suara-bunyi dalam persembahan seni silat berkenaan termasuk persembahan gendang silat semasa kenduri perkahwinan, upacara pelimau atau sebahagian dalam main puteri di gelanggang atau rumah di negeri Kelantan dan upacara pembukaan majlis. Dokumentasi video lengkap dibuat semasa 'Perlawanan Seni Silat Jatuh' di Gelanggang Seni(*Cultural Centre*) Kota Bharu, di padang Sekolah Pantai Cahaya Bulan dan di Golok; Pertandingan Seni Silat Tari, Karnival Kebudayaan Kelantan Stadium Sultan Mohd. Ke-IV, Kota Bharu dan Demonstrasi Silat Sekebun dan Silat Gayong Pattani pada acara Perkhemahan Seni Silat Warisan Bangsa dan juga Festival Perdana Silat Gayung Fatani Malaysia '98 di Dewan Majlis Daerah Pasir Mas. Penyelidik juga mengikuti Upacara mandi minyak di gelanggang Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong cawangan Pasir Mas di negeri Kelantan. Penyelidik juga menyertai rombongan Silat Cantik Terengganu di Festival Silat Cantik dan Gendang Silat Terengganu 1998 di Gerbang Persilatan Gong Badak, negeri Terengganu.

Temu bual langsung dengan pengamal seni silat dan kakitangan jabatan dan

kementerian kebudayaan dilakukan khususnya di negeri Kelantan, negeri Kedah, negeri Terengganu, Perak, Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang.

1.3.2 Maklumat Sekunder

Maklumat sekunder utama yang digunakan untuk penyelidikan ialah persuratan terutamanya dokumen dan risalah dari jabatan kerajaan dan keratan surat khabar.

Dokumen dan risalah dari jabatan kerajaan yang diperolehi dari semua negeri di Semenanjung semenjak tahun 1996 hingga tahun 2000 bersabit dengan penginstitution persilatan Melayu adalah sumber maklumat sekunder utama. Di samping itu, komen yang diberikan oleh ahli jabatan kementerian dan kerajaan tempatan serta guru seni silat melalui temu-bual juga dianalisa. Sumber persuratan(dokumen-dokumen) seperti buku cenderamata(*brochure*) aturcara majlis yang bersabit dengan persilatan atau minit dan catatan mesyuarat sidang agung persatuan silat yang berdaftar, dikumpul dan dikatalogkan sebagai bahan sekunder.

Selain daripada bahan dokumen yang diperolehi daripada jabatan di peringkat negeri, bahan dari Arkib Negara juga dirujuk sebagai sumber untuk mengkaji asal-usul istilah dan proses penginstitution. Begitu juga himpunan hikayat Melayu lama, terutamanya *Hikayat Hang Tuah*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Pahang*, *Hikayat Deli*, *Misa Melayu* dan *Syair Siti Zubaidah* digunakan sebagai sumber etnografi.

1.4 Sorotan Literatur

Penyelidikan dan penulisan akademik tentang seni silat dan institusi persilatan Melayu amat kurang. Di semenanjung tanah Melayu, sejak kemerdekaan, beberapa tulisan telah

pun diterbitkan, tetapi kebanyakan penulisan terkhusus dalam aspek kesenian silat terutamanya dalam hal silat sebagai seni mempertahankan diri. Oleh kerana kurangnya tulisan ilmiah, penyelidik terpaksa merujuk pada naratif dalam hikayat dan cerita rakyat Melayu serta persuratan-persuratan lain sebagai sumber utama yang tercatat hal bersabit amalan dan penginstitutionian persilatan sebelum zaman kemerdekaan. Catatan tentang tradisi itu tidak teratur dan tidak bersinambung dan kebanyakan lebih merupakan 'snapshot' atau komentari umum.

Catatan berkaitan perkembangan seni secara umumnya terdapat dalam 'journal' pengembaran awal. Di samping itu pernyataan tentang silat dan kaitan antara institusi silat dengan institusi politik, kenegaraan dan pengesahan kuasa (*legitimacy*) tersirat dalam banyak hikayat yang boleh dianggap sebagai rujukan.

Terdapat catatan oleh para pegawai kerajaan dan pengkaji barat pada zaman British tentang seni yang diamalkan oleh ahli masyarakat Melayu di bawah payung pemeliharaan pembesar tempatan. Contohnya Lancaster(1606), Floris(1613), Raffles(1817), Crawford(1820), Marsden(1930), Anderson(1823 dan 1840), Swettenham(1875), Weld (1883), Clifford(1897 dan 1898), Rathborne(1898), Wright(1908 dan 1912), Rentse(1931), Winstedt(1935), Wilkinson(1935), Cuisinier(1936), Sheppard(1972), dan Gullick(1986) menyebut tentang silat sebagai salah satu kegiatan riadah orang Melayu tetapi tidak memberi tumpuan khusus. Kecuali Swettenham yang sekali lalu menyebut tentang kegiatan 'kumpulan silat' di negeri Perak yang secara tidak langsung dikaitkan dengan episod pembunuhan J. W. W. Birch; dan Jeanne Cuisinier(1936: 6-18), seorang Perancis yang membuat penyelidikan di negeri Kelantan sebelum Perang Dunia Kedua menyimpulkan bahawa proses pengilmuan(sama ada pengetahuan persilatan atau pembomohan) bertujuan menyebarkan pandangan alam(*ethos, world view*) guru sendiri

selain dari fungsi penyebaran sesuatu pengetahuan(Mohd. Taib Osman 1971: 17-18, 1981: 28).

Dalam zaman pemerintahan British, pengurusan seni termasuk silat tidak berkembang secara teratur. Walaupun pengaruh pentadbiran penjajah memberi kesan baru dalam urusan silat seperti rang undang-undang jenayah bersabit mengamuk di tanah semenanjung (Gimlette 1971: 3), perkembangan seni tidak dipedulikan di bawah payung Kerajaan pada zaman British(Mohd. Ghouse Nasuruddin 1995: 8). Kegiatan seni tidak ketara malah nampak tanda menurun (*Malayan Union Annual Report* 1946: 115) pada zaman penjajahan Jepun, kecuali permainan muzik. Salah satu sebabnya ialah silat dilihat sebagai pelantar pergerakan sosial dalam perkembangan perpaduan jati diri orang Melayu dan apa jua pelantar sosial yang boleh menggugat tapak penjajahan kerajaan British secara sengaja ditekan(Shamsul A.B. 1995). Malah pakatan sosial yang muncul dari perguruan silat dicatat dalam sejarah oleh penulis Inggeris sebagai gerombolan '*bandit*'. Contohnya kumpulan 'panglima' Nayan di negeri Kedah diburu sebagai 'penjahat' dan dibunuh sedangkan dalam cerita rakyat Kedah 'kumpulan Nayan' disanjung sebagai 'panglima Nayan'. Kesan dari episod 'panglima Nayan' dalam sejarah politik Kedah ialah penstrukturan semula kumpulan silat di bawah panji-panji laksamana Kedah. Pengambilan ini bertujuan untuk memastikan semua perguruan bernaung di bawah satu kawalan pemerintahan(Cheah, Boon Kheng 1988).

Usaha mencatat pelakuan/amalan seni oleh pihak pentadbir British dilakukan, khususnya oleh Winstedt dalam aspek kesenian 'mental' seperti pantun dan peribahasa. Penelitian yang bersifat catatan kehidupan di kampung memang berkurangan(Ismail Hussein 1974: 12). Satu-satunya tokoh yang terkenal yang berjaya mengumpul semula untuk memelihara beberapa warisan seni istana termasuk joget gamelan Terengganu dan

seni pembuatan dan dekoratif kris Melayu sebagai aset warisan budaya Melayu ialah Tan Sri Mubin Sheppard, (1972, 1983). Selain dari catatan yang disebutkan tadi dan himpunan tulisan Mubin Sheppard, tiada kajian analitis sosiologis tentang persilatan Melayu kecuali kajian yang dilakukan oleh Razha Rashid(1990).

1.4.1 Penginstitusian moden dan proses modenisasi

Kesan dan pengaruh perubahan pada struktur politik dan kesan dalam persejarahan rombakan dan penyesuaian budaya masyarakat Melayu akibat kedatangan dari luar dibincang oleh Wang Gungwu([penyunting]1964), Zainal Abidin Bin Abdul Wahid([penyunting]1970), Khoo Kay Kim(1972), Muhammad Yusoff Hashim(1989, 1992). Ia termasuk pula interaksi pada tahap makro antara negeri-negeri dalam semenanjung pada khususnya dan dengan pihak luar dalam gugusan kepulauan nusantara.

Walau bagaimanapun, perubahan pada struktur pentadbiran dan urusan tanah Melayu berlaku sejak bermula penjajahan Inggeris. Episod sejarah penjajahan Inggeris banyak dicatat oleh sejarawan bermula dari Perjanjian Pangkor 1874 sehingga Perjanjian Burney 1909, dan penubuhan struktur pentadbiran persekutuan. Kebanyakan tulisan sejarah rombakan pentadbiran mengikut struktur pentadbiran Inggeris tidak mengkaji atau mencatat kesan dari imposisi pentadbiran Inggeris atau perubahan yang berlaku di peringkat mikro, terutamanya di desa dalam hal amalan budaya, sistem kepercayaan, dan struktur sosial.

Kajian ahli antropologi sedikit sebanyak meneliti perubahan sosial dan politik di peringkat desa sebelum penjajahan, tetapi kajian tersebut lebih kepada penilaian sistem kepercayaan dan politik kampung(Gimlette 1971, Kratoska 1972, Gullick

1958, 1989). Satu-satunya tulisan sejarah yang menceritakan tentang situasi sosial di negeri Kedah di peringkat akar-umbi(*grass-root*) ialah kajian Cheah, Boon Kheng(1988), *The Peasant Robbers of Kedah, 1900-1929*.

Semua tulisan sejarah dan antropologi tidak menyentuh persoalan tentang fungsi dan kedudukan institusi perguruan silat secara langsung. Terdapat catatan sebagai '*foot note*' bahawa pelantar bagi pertubuhan kumpulan yang menentang pentadbiran Inggeris muncul dari kumpulan sebaya perguruan silat. Contohnya penentang penjajahan terkenal di Pahang Mat Kilau dan Dato'/Datuk Bahaman adalah juga guru silat dan pengikutnya yang lari setelah diburu oleh polis Inggeris ialah, murid dari kumpulan silatnya(Ahmad Rizal Rahim 2000). To'/Tok/Tuk Janggut juga adalah seorang alim dan juga berkecimpung secara langsung dengan kumpulan tarikat yang bergabung dengan pembelajaran silat. Malah kumpulan anggota yang mempertahankan serangan Inggeris di Pasir Putih disaat-saat akhir terdiri dari kumpulan silat yang beliau biasa terlibat(Razha Rashid 1990: 86-87).

Proses perubahan besar di semenanjung berlaku pada sekitar zaman kemerdekaan. Iaitu apabila kawasan ini berjaya mengembangkan suatu entiti negara yang bertanggungjawab dan berdikari daripada kuasa penjajah di bawah tanggapan Tanah Persekutuan Melayu berserta dengan perkembangan organisasi sosial yang moden.

Sistem tentera moden diperkenalkan di tanah semenanjung dengan inovasi peralatan semenjak Maharaja Abu Bakar Johor(1833-1895) yang menjadi pelopor pemodenan negeri Johor. Penubuhan askar-askar Melayu rejimen kerajaan di bawah payung British sebelum tercetusnya Perang Dunia Ke-dua di semenanjung pada 1942 berasaskan anggota regimen askar Melayu Johor. Pakatan sosial masyarakat

Melayu yang telah pun mengalami sistem regimentasi ketenteraan digunakan oleh pemerintah Inggeris untuk menubuhkan pasukan awal askar Melayu. Kebanyakan anggota asas yang awal dalam rejimen askar Johor adalah dari kalangan anak muda yang berguru silat di negeri Johor (temu bual dengan En. Jamaludin Pandin, guru silat sendeng Minangkabau, Batu Pahat).

Sistem kumpulan perguruan seni persilatan tidak formal masih terus berjalan dengan sihat di kawasan pedalaman. Menjelang merdeka, sistem pentadbiran mewarisi secara langsung sistem pentadbiran British dan di peringkat mukim diformalkan sehingga ke peringkat penghulu kecuali di negeri Kedah. Pemimpin di peringkat mukim yang lain seperti Imam, guru silat dan, bomoh/mudin tidak diiktirafkan sebagai 'kepandaian' kecuali di negeri Kedah, di mana guru silat terus mendapat pengiktirafan dari Istana dan dibiaya melalui Laksamana Kedah.

Sejarah sosial persilatan Melayu berkait rapat dengan proses pentadbiran moden yang umumnya tidak simpatatik pada unsur pakatan tak formal. Perubahan utama yang dialami oleh institusi silat dalam proses modenisasi di tanah semenanjung adalah proses penginstitutionan formal terdiri daripada proses penggolongan komponen di bawah senarai pertubuhan. Sekaligus persilatan dan perguruan di peringkat mikro tidak formal terputus dari hirarki pentadbiran moden. Silat di peringkat ini beroperasi di peringkat individu di atas inisiatif individu 'guru'.

Sepertimana yang disebutkan penulisan akademi tentang seni silat dan institusi persilatan Melayu amat kurang. Malah keadaan ini dibangkitkan di dalam ucapan perasmian Konvensyen Seni Silat Melayu Malaysia oleh Persatuan Bahasa Malaysia USM 1973 oleh Timbalan Naib Canselar USM ketika itu, Prof. Dato' Shahrom Ahmat. Resolusi konvensyen tersebut ialah persetujuan memertabatkan seni silat

sebagai satu 'disiplin' pengajian yang saintifik seperti yang dilakukan oleh Korea dengan seni Tae-kwan-do dengan bantuan penglibatan ahli akademik. Walau bagaimanapun, hasrat ini tidak terlaksana. Sebaliknya kebanyakan penulisan adalah dalam aspek kesenian silat terutamanya dalam hal silat sebagai seni mempertahankan diri(contohnya Hamzah bin Ahmad 1967, Ku Mustafa Ku Ahmad dan Wong Kiew Kit 1987). Kebanyakan tulisan yang dijual dalam pasaran umum diterbitkan setelah tanah semenanjung merdeka yang bercorak diskriptif ditulis oleh pengamal silat (Draeger, Donn F. dan Smith, Robert 1969, Tuan Ismail Tuan Soh 1991, Anuar Abd. Wahab 1992). Hampir kesemuanya berunsur katalog di mana hanya aspek umum tanpa unsur akademik.

Secara umum, penulisan-penulisan seni silat semenanjung menyentuh pada hal urai tubuh dalam rupa bentuk anggota dan kerangka badan manusia, rajah tapak dan rangkaian langkah, dan beberapa jenis peralatan(Hamzah 1967 dan Anuar 1992) sebagai unsur-unsur untuk menerangkan teknik kesenian dalam amalan seni silat. Selain itu tumpuan di sebelah aspek aspek latar-belakang budaya dan sosial secara ringkas seperti asal-usul, sejarah, jenis-jenis peralatan selain senjata seperti alat bunyi dan pakaian(Ku Mustafa dan Wong 1987, Tuan Ismail 1991). Tidak banyak usaha mendalami aspek sosio-budaya, kepercayaan dan amalan adat upacara-ritual silat pernah dilakukan oleh para ahli pengkaji dan pengamal(Sheppard, Mubin 1972, 1983, Tuan Ismail 1991, Mohd. Taib Osman 2001, Zainal Abdul Latiff 2002).

Kajian sosiologikal tentang manifestasi pengembangan semua komponen institusi persilatan dilakukan oleh Razha Rashid(1990) bersabit Peristiwa Mei 13 1969. Peristiwa tersebut merupakan satu-satunya episod dalam dunia persilatan Melayu di semenanjung di mana komponen silat muncul sebagai kenyataan sosial

dan pernyataan emosi budaya orang Melayu dalam menghadapi cabaran pada kedudukan dan jati diri.

1.5 Rangka teoritis dan konsepsualisasi

Walau bagaimanapun, di samping memainkan peranan sebagai pelantar untuk menaiki tangga status di dalam organisasi strata masyarakat Melayu, peranan perguruan silat juga penting dalam ikatan atau jalinan yang 'lateral' (*horizontal*). Perguruan dalam alam persilatan bererti pelantar bersosialisasi iaitu proses untuk menjalin dan menganyam rangkaian pengalaman sebagai suatu disiplin seni dan ilmu persilatan membina suatu unit terikat dengan nilai unggul 'maruah' (*honour*). Perguruan silat juga mendokong kehendak adat dan etika perhubungan antara guru dan rakan sebaya 'seperguruan' berpandukan sistem kod etika dan disiplin.

Panggilan dan nama perguruan masing-masing memberi pelbagai pengertian. Ada nama perguruan yang berhubungkait dengan pemahaman hubungan amalan diri sendiri dengan kejadian alam sekitar semulajadi (dalam dan luar gelanggang). Ianya juga memberi pemahaman akan hubungan formal dan tidak formal dalam sosialisasi adat (dalam dan luar gelanggang). Nama atau panggilan perguruan mengandungi maksud tertentu dan melambang ciri unggul dalam perguruan yang melewati peribadi seorang guru. Contohnya 'silat pulut'. Panggilan ini berasal daripada pulut kuning yang disediakan digelanggang silat sebagai tanda dalam upacara pelimau.

Di samping kedudukan silat tersirat dalam sanubari budaya Melayu, institusi silat juga berjalin rapat dengan empat pelantar pakatan pembentukan sosial (*social formation platform*) yang lain, iaitu pakatan sekampung, pakatan islam, pakatan keluarga, dan pakatan rakan sebaya. Jalinan 'sekampung', adalah jalinan yang menghubungkan individu

dan isi-rumah dalam satu ikatan umum berdasarkan kediaman dan tempat lahir. Perbincangan dan penelitian tentang kampung banyak dilakukan oleh ahli antropologi sosial/kebudayaan dan dipersetujui bahawa pakatan 'se-kampung' penting dalam 'world-view' orang-orang Melayu(Provencher, R.1971, McKinley R.H. 1979, Razha Rashid 1978, 1991).

Jalinan kumpulan silat dengan pakatan yang berasaskan panji-panji Islam yang telah dikaji oleh ahli antropologi, seperti khairiah(atau qariyah), perguruan 'pondok' atau di pulau Jawa 'pesantren' dan kumpulan 'dakwah/tarikat'(Nagata, J. 1974, Roff, W. 1967, 1974, Kahn, J.S. 1980, Allen R. F. 1983) menunjukkan struktur jalinan yang cukup kompleks. Ini adalah kerana Islam sendiri secara langsung menetapkan struktur jalinan.

Jalinan hubungan ketiga yang menjadi asas pada pembentukan pakatan sosial ialah hubungan 'sebaya' atau biasanya disebut sebagai kumpulan 'sekawan'. Sungguh pun corak dan bentuk pakatan 'sekawan' ini belum dikaji secara mendalam, tetapi ia merupakan satu pelantar penting dalam semua suasana dan menjadi asas hubungan dan tindakan sosial yang penting(Razha Rashid 1978, 1990).

Jalinan keempat ialah jalinan keluarga atau famili. Dalam masyarakat Melayu jalinan famili atau dalam loghat utara disebut sebagai hubungan 'adik-beradik' adalah salah satu jalinan hubungan yang primer berdasarkan pertalian darah dan perkahwinan(Rudie, I.1994, Carsten, J.F. 1988, Peletz, M. G. 1981).

Ikatan sosial yang penting dalam pembentukan pertalian sosial yang menjadi pelantar dalam pembelajaran silat ialah pakatan 'sekawan' atau pakatan 'sebaya'. Walau bagaimanapun, konsep 'sekawan', adalah lebih sesuai dalam konteks silat kerana kumpulan silat berteraskan ikatan yang berpunca dari satu seperguruan; 'keahlian' dalam ikatan seperguruan ini tidak terbatas pada umur dan status atau kedudukan.

Penglibatan institusi persilatan, terutamanya institusi 'seperguruan' utama keahlian ialah di bawah guru yang berwibawa. Kewibawaan guru berdasarkan pertalian isnat para 'mahaguru' melewati beberapa generasi.

Walau ke-empat pelantar ini terletak di atas asas yang berbeza namun, dalam pengolahan struktur sosial yang berbeza di kalangan orang-orang Melayu, ke-empat pelantar ini bertindak secara timbal-balik saling melewati sempadan. Contohnya pelantar 'seperguruan' Islam 'pondok' atau madrasah, 'tarikat' (*brotherhood*), pernah terjalin dengan pelantar perguruan silat dan pernah ke-empat pelantar ini dicantum sehingga menjadi pakatan yang paling unggul semasa pergelutan peristiwa 13 Mei 1969. Begitu juga kumpulan 'sekawan', 'sekampung' bercantum dengan pakatan 'seperguruan' silat, pernah menjadi satu episod penting dalam sejarah politik Kedah, iaitu kes kumpulan 'bandit' (mengikut British) panglima Nayan di negeri Kedah (Cheah, Boon Kheng 1981, 1988)¹.

1.6 Rumusan

Proses formalisasi perguruan silat dalam struktur pentadbiran moden ke dalam struktur pentadbiran sebagai pertubuhan atau persatuan berdaftar menyebabkan beberapa kesan sosial. Kesan utama dalam perubahan struktural ini ialah kelunturan peranan silat sebagai satu pelantar sosialisasi dan kewibawaan jati diri dan kewibawaan bangsa Melayu. Fungsi seperti menjaga keperibadian dan tokoh-tokoh di bawah sistem nilai dan adab dan pelantar kesebayaan, tidak lagi diutamakan. Bawah sistem pentadbiran baru penekanan diberikan pada nilai yang seperti penepatan waktu, senaman, persembahan pentas dan amalan 'moden' olah-raga atau sukan.

Ianya masih tersimpang dari unsur mikro informal yang berhubungkait dengan

komponen budaya bangsa yang dulunya adalah aspek yang sama penting. Malah komponen yang berfungsi sebagai pelantar sosialisasi atau pembentukan pakatan sosial dalam budaya dan adab Melayu hidupan desa sudah diformalkan di bawah urusan politik peringkat desa.

Komponen-komponen yang bersifat mikro tidak formal dimodifikasikan kerana kemasukan peraturan baru di mana gelanggang tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran pihak polis atau pihak berkuasa kampung. Aspek seni-seni juga mengalami tekanan. Contohnya Silat Cantik diharamkan di Kelantan(*BH*, Jumaat, 28hb Julai 1995).

Walau bagaimanapun secara keseluruhan, dalam arus perubahan, perbagai bentuk silat 'baru' yang berunsur riadah, tetapi diberi citra sebagai amalan permainan tradisi (contohnya silat jatuh, randai); persembahan seni dalam bentuk tari yang diadaptasikan dengan cita rasa yang 'moden' seperti dalam tayangan video, televisyen atau di panggung wayang(pawagam) serta sandiwara dalam teater-teater tempatan, dengan modifikasi dan gaya penyempurnaan sentuhan baru, gaya Hollywood, Bolliwood, dan studio Hong Kong/Taiwan. Komponen-komponen seni silat juga bermanifestasi budaya pasca-moden sebagai seni yang tidak bertradisi. Ungkapan seperti 'silat jenaka'(*EnSej&KebMel jil. 4* 1999: 2231) juga hidup sebagai gaya komedi dalam persembahan dan lakhonan seni silat dalam pentas media massa menunjukkan proses kemasukan unsur yang pada permukaannya bersifat 'tradisional' tetapi pada hakikatnya tidak berakarkan tradisi ilmu silat sebenar.

Umumnya seni-seni yang diamalkan untuk menghibur hidupan sehari-hari rakyat jelata terbiar dan juga ada yang mengalami tindakan pengharaman oleh pihak agama tempatan kerana dipandang anti moral atau anti etika atau bercanggah syariah. Bersama dengan seni mempertahankan diri, seni teater lain seperti; bangsawan, wayang kulit,

menora, mak yong, yang mengandungi unsur dan adegan silat mengalami tekanan pengharaman.

Begitu juga fungsi institusi silat sebagai sesuatu kaedah perubatan etnik di semenanjung utara timur serta permainan seni silatnya sebagai salah satu komponen dalam proses etno perubatan dan psikiatri kultural hampir pupus(Laderman, Carol 1991: 102-105, 120-121, 159-198, Penyelidikan Lapangan Penyelidik 1996).

Ada beberapa ritual kitar kehidupan seharian rakyat jelata tempatan seperti upacara pembukaan dalam majlis-majlis perasmian dan teater, atau salah satu bahagian dalam permainan tari randai dan gendang cuba diterapkan oleh ahli akademik, tetapi usaha ini masih di bawah perlindungan universiti (Mohd. Anis Md. Nor 1986, Ghulam Sarwar Yusof 1994: 256, Tan Sooi Beng 1993: 2, Matusky, Patricia 1993: 35).

Dalam arus perkembangan urbanisasi, modenisasi dan Islamisasi(Nagata, Judith 1984: 35-37, 42, 47, 62, 64-69, 149, 184, 245, 253) seni di semenanjung(misalnya dikir rebana laut) juga mengalami kelunturan dan kepupusan (Ghulam Sarwar Yusof 1992: 209-220). Malah pelbagai bentuk seni silatnya yang dulunya bersinambung sebagai komponen dalam ritual lain seperti 'puja pantai', atau 'mandi safar' telah pupus sebab ritual ini tidak dilakukan lagi kerana diharamkan oleh Majlis Agama Islam, khususnya di Kelantan dan di Kedah.

Unsur yang bertindak melunturkan institusi silat juga bertindak dalam proses yang sama dalam segmen budaya lain. Walau bagaimanapun, tekanan perubahan kepada institusi silat lebih kompleks kerana silat adalah institusi terletak di tengah struktur pentadbiran dan budaya politik orang Melayu dan terjalin pula dengan ruang sosial agama, sosialisasi dan pembudayaan di peringkat mikro. Evolusi struktur sosial dan budaya ke arah susunan yang bercorak moden telah merombak susunan semua pelantar hubungan

dan kebudayaan dan secara langsung telah menolak institusi persilatan ke pinggir ruang sosial dan budaya masyarakat Melayu.

Nota Bab 1 Pengenalan

¹ Antara tokoh-tokoh yang termasyhur mencontohi kedudukannya seperti Panglima Nayan yang bertempat di sempadan “wira” dan “bandit: penjahat atau perompak-pemberontak” ada Robin Hood(?-1247) dari hutan Sher(Sherwood), negeri Nottingham, England atau legenda Rob Roy(Robert McGregor 1671-1734) di Scotland. Di Jepun juga ada Goemon Ishikawa(?-1594) dan Nezumi Kozou(?-1832). Goemon ialah tokoh pada zaman Ori-Toyo(Azuci-Momoyama: 1568-1600) iaitu zaman perang saudara, dipanggil perompak dari pusat pentadbiran(kampaku dan shogun) sebagai antagonis. Namun pada sifat zaman yang gerhana, Goemon menjadi seorang wira bagi pihak yang tertelakan dan menjadi cerita legenda rakyat(*folk legend*) setelah diadaptasikan dalam judul persembahan drama seni pentas tradisi seperti Kabuki dan Joruri. Nezumi Kozou(nama betul ialah Jirokichi)bergiat di bandaraya Yedo, ibu-kota negara Jepun pada zaman ke-shogunan Tokugawa(1600atau1603-1867) yang menjadi asas metropolis Tokyo sekarang. Pada zaman Shogunan Tokugawa telah pun diperhuni oleh sejuta penduduk(pada tahun 1600han). Menurut legenda, Nezumi Kozou dikenali pencuri barang rumah orang besar kaya, kemudian menyerahkan barangan yang bernilai itu kepada golongan yang miskin.